

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N01 PENAGA

Salam sejahtera dan salam perpaduan,

Sebelum saya menjejak masuk ke ucapan saya hari ini, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua atas memberi peluang kepada saya untuk membangkitkan isu rakyat. Ucapan saya pada hari ini akan berteraskan isu pendidikan di Pulau Pinang, 2 perkara akan saya ucapkan iaitu masalah dengan silibus pendidikan di negara kita dan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan Pulau Pinang untuk menangani isu ini.

Yang Berhormat sekalian,

Hari ini saya disini bukan untuk membangkitkan isu sama ada silibus negara setaraf dengan silibus negara yang maju seperti Korea selatan dan Jepun dan menyoal “kenapakah kita tidak sehebat mereka?”. Yang ingin saya bangkitkan adalah isu silibus negara yang bersifat meninggalkan murid yang kurang pandai dan tidak boleh “*catch up*”. Yang saya maksudnya dengan kurang pandai adalah murid yang selalunya gagal ni peperiksaan sekolah, dan tertinggal dengan pelajaran sekolah. Banyak faktor yang menyebabkan perkara ini, antaranya murid yang bekerja sambilan dan tidak boleh fokus dalam pelajaran, ataupun murid yang memang tidak suka belajar. Tetapi, hari ini saya bukan ingin membawa 2 isu ini.

Ingin saya menitikberatkan kepada yang terhormat-terhormat sekalian, sebelum kita memandang ke atas dan ingin menyesuaikan taraf pendidikan kita dengan negara yang hebat, ayuhlah kita memastikan dulu sistem pendidikan kita dapat memastikan tidak ada anak murid yang tertinggal. Realitinya, sebuah sistem pendidikan tidak boleh berasaskan “*1 size fits all*”, kerana anak murid sekolah mempunyai kebolehan yang berbeza. Malangnya, silibus pendidikan negara kiat berasaskan konsep “*1 size fits all*”. Tahun lalu, saya mendapat peluang untuk bekerja sebagai guru ganti di SMK Berapit. Saya telah melakukan kaji selidik dengan topik “ Mengapakah murid tidak ingin

membelajar bahasa Inggeris?”. Dengan hasil kajian saya, saya mendapati bahawa majoriti murid yang tidak ingin mempelajari bahasa Inggeris bukan kerana mereka tidak suka mempelajari, sebaliknya mereka sedar akan kepentingan bahasa Inggeris tetapi silibusnya terlalu susah untuk mereka dan mereka tidak faham sedikit pun. Bagaimanakah murid tingkatan 4 dapat mempelajari silibus bahasa Inggeris tingkatan 4 jikalau asas kepada bahasa Inggeris pun mereka tidak ada? Negara kita terlalu sibuk memastikan murid kita mendapat 9 A, 10A dan straight A+, tetapi melupakan anak murid yang lulus pun tidak boleh.

Golongan murid ini akan lazimnya meninggalkan sekolah selepas tingkatan 3, kerana pada pandangan mereka “kenapa perlu menerusi pembelajaran jikalau saya asyik mendapat keputusan yang rendah?”. Tidak ada solusi daripada kerajaan persekutuan meskipun kerajaan negeri untuk menangani masalah ini. Adakah kita akan biarkan golongan murid ini untuk meninggalkan sekolah dan menjadi pekerja berkemahiran rendah?”

Saya faham bahawa pendidikan adalah dibawa senarai persekutuan, tetapi saya percaya kerajaan negeri mempunyai sumber dan kuasa untuk melakukan perubahan. Oleh itu, di sini saya ingin memberi dan mencadangkan jalan penyelesaian kepada kerajaan negeri. Dari bangku sekolah lagi kerajaan negeri boleh mengadakan bengkel dan tuisyen yang khas untuk murid-murid yang kurang pandai.

Objektif utama bengkel ini bukan untuk memastikan murid ini mendapat gred A dalam peperiksaan sebaliknya untuk memberikan pengetahuan asas bagi sebuah subjek untuk murid-murid.. Dengan pengetahuan asas ini, murid-murid tersebut barulah boleh mengikut arus pembelajaran di sekolah dan dapat melakukan pembelajaran sendiri dengan adanya asas pengetahuan.

Mungkin jalan penyelesaian ini nampak terlalu mudah dan optimistik, tetapi ia berfungsi dengan baik. Berbalik kepada pengalaman saya mengajar, selepas melakukan kajian tersebut, saya mengadakan kelas tambahan untuk murid ini selama 2 minggu, 1 jam sehari. Pada mulanya, sebaris ayat pun mereka tidak dapat tulis tanpa kesalahan bahasa. Selepas kelas tambahan 2 minggu, mereka dapat menulis esei 100 perkataan.

Kesimpulannya, saya menyeru kerajaan negeri untuk mengadakan bengkel dan tuisyen sebegini di setiap sekolah dengan majoriti murid yang mempunyai keputusan buruk. Kerana usaha yang boleh dilakukan ini pasti akan memastikan peningkatan murid yang mendapat keputusan cemerlang dan peningkatan dalam murid yang memasuki universiti sama ada secara langsung atau tidak.

Sekian, Terima Kasih.

Benteny Ooi Si Quan

N01 Penaga

Sidang Muda 2022/23

